

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN)**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	Jadual Gaji Matriks				
Gred N17	: P1T1	RM656.30	-	P1T24	RM1721.10
	P2T1	RM697.44	-	P2T24	RM1817.90
	P3T1	RM739.79	-	P3T24	RM1918.33
Gred N22	: P1T1	RM1532.34	-	P1T12	RM2270.44
	P2T1	RM1646.08	-	P2T12	RM2507.60
Gred N32	: P1T1	RM1930.43	-	P1T13	RM2874.23
	P2T1	RM2098.62	-	P2T13	RM3129.54

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan lulus ujian masuk mengambil trengkas dengan kederasan 60 p.s.m. daripada rencana dan menaip salinan trengkas itu secerdas 20 p.s.m. dengan kesalahan tidak melebihi 4%.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17: P1T2).

(Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer); atau

(ii) Diploma Kesetiausahaan daripada UiTM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17: P1T9);

dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir Rendah adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred N17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
4. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
5. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**
6. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
7. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
9. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED N22**
10. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N22 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED N32**
11. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N32 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

- (b) berkebolehan mengambil trengkas Bahasa Malaysia serta Bahasa Inggeris dengan kederasan 100 p.s.m. dan menaip salinan trengkas itu dengan kederasan 25 p.s.m. dengan membuat kesilapan tidak melebihi 4%;
- (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI
TADBIR**

12. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 yang kosong apabila telah:-

- (a) hadir dengan jayanya kursus yang berkaitan dengan pengurusan pejabat, kakitangan dan kewangan serta perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; dan
- (b) memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
PEGAWAI TADBIR**

13. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N32 yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41 yang kosong apabila telah:-

- (a) hadir dengan jayanya kursus yang berkaitan dengan pengurusan pejabat, kakitangan dan kewangan serta perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; dan
- (b) memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.10.1994 [Surat Pemakluman Skim Perkhidmatan, JPA.SULIT.324/14/31/Klt. 6 (58)].